

**NO. SOALAN : 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 18 November 2015**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan berapakah jumlah permit teksi  
keseluruhannya dan jenis-jenis permit yang dikeluarkan oleh SPAD.  
Apakah skim atau kemudahan atau bantuan yang telah diberikan  
kepada pemandu teksi untuk memiliki teksi sendiri.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2015, jumlah permit teksi di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 65,292. Jumlah ini merangkumi permit teksi bagi kategori Teksi, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Limousine/Mewah dan Kereta Sewa. Daripada jumlah itu, 44,128 adalah teksi bermeter.
2. Kerajaan telah memperuntuk dan melaksanakan pelbagai kemudahan serta bantuan bagi kemudahan pemandu yang memiliki permit teksi untuk memiliki kenderaan sendiri. Antaranya ialah pengecualian 100% duti eksais dan cukai jualan ke atas pembelian kereta buatan tempatan untuk dijadikan teksi bajet dan kereta sewa. Di samping itu, cukai jalan teksi bajet dan kereta sewa juga telah dimansuhkan. Dengan ini, mereka hanya perlu membayar caj pentadbiran pada kadar rata RM2.00 sahaja bagi perolehan pelekat cukai jalan (*road tax sticker*).
3. Selain daripada itu, ketika melancarkan program migrasi teksi, Kerajaan telah memperuntukkan geran kepada 1,000 pemilik individu Teksi 1Malaysia (TEKS1M) sebanyak RM5,000 setiap seorang pembelian Proton Exora dalam membantu mereka memiliki kenderaan sendiri.

4. Peruntukan juga pernah disediakan bagi pemberian subsidi kadar faedah 2% setahun ke atas pinjaman penuh untuk memiliki teksi bajet dan kereta sewa baru buatan tempatan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi tempoh 2 tahun. Selain itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah wang untuk pemberian bantuan RM3,000 bagi menggantikan teksi bajet dan kereta sewa berusia melebihi 7 tahun tetapi kurang daripada 10 tahun. Bantuan RM1,000 juga diberikan bagi teksi bajet dan kereta sewa yang berusia 10 tahun dan ke atas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) usaha Kementerian dalam menangani kejadian gempa bumi di Negeri Sabah agar kecederaan, kehilangannya serta kerosakan harta benda dapat dikurangkan di masa hadapan; dan
- (b) jenis bantuan yang diberikan kepada mangsa dan kawasan yang terlibat dalam tragedi.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengoperasikan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) sejak tahun 2005. Pemantauan dan penyebaran makluman gempa bumi dan amaran tsunami dilaksanakan oleh Pusat Pemantauan Gempa Bumi dan Tsunami Nasional (PGTN) yang terletak di Ibu Pejabat MetMalaysia secara *real-time* di seluruh negara serta beroperasi selama 24 jam sepanjang tahun.

Sistem amaran di PGTN telah dilengkapi dengan peralatan-peralatan pemantauan gempa bumi dan tsunami yang setara sepertimana yang sedang diguna pakai oleh pusat-pusat pemantauan yang lain di seluruh dunia seperti di Amerika Syarikat, Jepun dan China. Semua maklumat seismik yang dicerap oleh alat-alat pengesan gempa bumi akan dihantar serta merta melalui komunikasi satelit *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) kepada PGTN. Makluman mengenai magnitud dan lokasi gempa akan dikeluarkan oleh PGTN kepada agensi tindak balas bencana melalui sistem pesanan ringkas (SMS) sejurus kejadian gempa tersebut dikesan berlaku.

Sehingga kini, sebanyak 44 peralatan pengesan gempa bumi telah beroperasi di seluruh negara. Bagi menambahbaik pemantauan bencana gempa bumi, Kerajaan telah menambah sebanyak 20 lagi peralatan pengesan gempa bumi tambahan di seluruh negara dengan tujuh (7) unit daripadanya akan dipasang di negeri Sabah. Kesemua

peralatan tambahan ini dijangka siap beroperasi pada penghujung 2015 dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 64 alat pengesan di seluruh negara.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, pelbagai langkah pemuliharaan telah dilaksanakan bagi membaikpulih kawasan Gunung Kinabalu yang terjejas teruk akibat bencana gempa. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tujuan pemuliharaan kawasan-kawasan yang rosak meliputi pembaikan infrastruktur dan laluan pendaki yang telah musnah.

Selain peruntukan sebanyak RM8 juta juga yang disalurkan bagi pembinaan semula Masjid Ranau yang rosak teruk akibat kejadian gempa bumi, Kerajaan juga telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi memperbaiki 33 buah sekolah yang rosak.

Sekian. Terima kasih.